

20/05/2002

Pas gariskan tiga ciri negara Islam

PASIR GUDANG, Ahad - Pas menggariskan tiga ciri penting, termasuk pemerintahan Islam, mematuhi syariat Islam selain rakyatnya mendukung ajaran Islam bagi membolehkan sesebuah negara dikenali sebagai negara Islam.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata syariat Islam wajib menjadi akidah negara dan pegangan kerajaan, termasuk dalam urusan pemerintahan.

Beliau berkata, syariat Islam juga mampu memenuhi keperluan manusia sejagat dalam semua keadaan dan masa kerana ia mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak ada pada ajaran lain.

Katanya, syariat Islam perlu diletakkan pada kedudukan tertinggi, dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak mengiktiraf pelaksanaan syariat secara sebahagian.

"Pemerintahan Islam pula bertanggungjawab menegakkan hukum Allah, menyelesaikan masalah rakyatnya dengan hukum itu, menyatukan rakyat dan menghormati pandangan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Konsep dan Matlamat Negara Islam di Seminar Negara Islam anjuran Dewan Perwakilan Pemuda Pas Johor di sini, hari ini.

Bagaimanapun, sebelum ini, Penasihat Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, pernah menyatakan bahawa Malaysia sudah memenuhi takrifan negara Islam seperti yang diperjelaskan ulama terdahulu sehingga sekarang.

Beliau berkata, ulama menjelaskan bahawa sebuah negara itu diiktiraf sebagai negara Islam apabila kuasa politik dan urusan pentadbirannya dikuasai orang Islam dan penduduknya hidup aman damai.

Sehubungan itu, katanya, pengisytiharan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah negara Islam bertepatan dengan takrifan itu kerana kerajaan turut melaksanakan hukum syarak dan tuntutan Islam bagi menjaga kepentingan agama serta mengurus negara.

(END)